

D.R. 5/2012

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat Labuan 1990.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Syarikat Labuan (Pindaan) 2012.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 18

2. Akta Syarikat Labuan 1990 [*Akta 441*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam perenggan 18(1)(c) dengan memotong perkataan “dan pembahagiannya kepada syer amaun tetap”.

Pindaan seksyen 111

3. Subseksyen 111(2) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “anggota” perkataan “syarikat bersama dengan resolusinya yang berkaitan”.

Pindaan seksyen 121

4. Subseksyen 121(5) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dalam apa-apa amaun sebagaimana ditetapkan tidak lewat daripada tiga puluh hari dari setiap ulang tahun tarikh pendaftaran syarikat itu” dengan perkataan “mengikut seksyen 151”.

Pindaan seksyen 130o

5. Perenggan 130o(4)(a) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “am”.

Pindaan seksyen 130v

6. Subseksyen 130v(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “seksyen 48A” dengan perkataan “seksyen 53”.

Pindaan seksyen 151

7. Seksyen 151 Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Lembaga boleh mengenakan penalti pentadbiran ke atas pembayaran apa-apa fi tahunan yang diterima lewat daripada tarikh ulang tahun yang dinyatakan dalam subseksyen (1).”; dan

(b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “Jika” dengan perkataan “Walau apa pun subseksyen (1A), jika”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Syarikat Labuan 1990 (“Akta 441”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda perenggan 18(1)(c) Akta 441 bagi menyingkirkan kehendak untuk menyatakan nilai tara modal syer dan memperkenalkan konsep modal syer yang tiada nilai tara. Pindaan ini akan memberikan penjelasan mengenai pelaksanaan konsep tiada nilai tara.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda subseksyen 111(2) Akta 441 untuk memperuntukkan penyerahan ketetapan syarikat bersama dengan salinan akaun teraudit syarikat kepada Lembaga bagi tujuan pengesahan ketetapan mesyuarat yang diadakan bagi akaun teraudit. Ini ialah suatu kehendak operasi.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda subseksyen 121(5) Akta 441 bagi menyeragamkan peruntukan mengenai fi tahunan bagi kedua-dua syarikat Labuan dan syarikat Labuan asing.
6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda perenggan 130o(4)(a) Akta 441 bagi menyelaraskan takrif “perniagaan insurans Labuan” dengan takrif di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Dan Sekuriti Labuan [*Akta 704*].
7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda subseksyen 130v(1) Akta 441 bagi membetulkan seksyen yang dirujuk dalam peruntukan ini kepada seksyen 53 yang memperuntukkan tentang pengurangan modal syer. Seksyen 48A memperuntukkan tentang pembelian semula syer.
8. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 151 Akta 441 dengan memasukkan subseksyen baru (1A) yang mengadakan peruntukan mengenai pengenaan penalti pentadbiran bagi pembayaran fi tahunan yang diterima lewat daripada tarikh ulang tahun.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2813]